

# Khidmat pergigian USIM

Oleh SITI MAIZATUL AKMAR ISMAIL

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengorak langkah memberikan perkhidmatan kepada komuniti setempat. Selaras dengan itu Fakulti Pergigian (FPg) USIM menyediakan program khidmat masyarakat dengan pembukaan Unit Perkhidmatan Pergigian yang dilengkapi dengan kemudahan canggih meliputi 37 dental chairs, mesin pengimbas sinar-x dan lain-lain peralatan pergigian.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin, pembinaan sistem e-klinikal ini adalah satu lagi usaha yang penting dalam rancangan strategik ICT USIM.

“Pembangunan dan pelaksanaan sistem e-klinikal ini diterajui oleh tiga jabatan iaitu Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM), Fakulti Pergigian dan Unit Kesihatan Pelajar Hal Ehwal Pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan Pelancaran sistem e-klinikal di kampus cawangannya yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Datuk Dr.

Muhamad Muda.

Objektif projek e-klinikal adalah membangunkan dan melaksanakan satu penyelesaian dalam mengintegrasikan maklumat perubatan pergigian pesakit serta meningkatkan operasi dengan lebih efisien dalam perkhidmatan perubatan pergigian kepada pelajar, anggota-anggota USIM dan orang awam.

Sistem e-Klinikal merupakan antara kemajuan teknologi dalam menyediakan persekitaran tanpa kertas, memudahkan pengurusan pendaftaran dan rekod pesakit.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pergigian, Prof. Datuk Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman berkata, USIM membelanjakan RM30 juta dalam Rancangan Malaysia ke-Lapan (RMK-8) dan Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) untuk melengkapkan kemudahan ICT.

Ia bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan tujuan penubuhan USIM dalam memartabatkan pendidikan Islam.

“Unit Perkhidmatan Pergigian USIM mempunyai pelbagai fasiliti yang terdiri daripada Klinik Pergigian, Makmal Pergigian dan bilik X-Ray.

Penubuhan unit ini adalah sebahagian daripada keperluan utama di dalam

pendidikan pergigian.

“Ia merupakan wadah bagi amalan klinikal di peringkat sarjana muda. Fasiliti sedia ada juga akan diperluaskan untuk amalan klinikal pelajar pasca ijazah dalam pelbagai bidang kepakaran pergigian kelak,” katanya yang juga Ketua Projek Sistem e-Klinikal, USIM.

Bagi memudahkan proses pengurusan rekod pesakit, Sistem e-Klinikal dibangunkan sebagai sistem sokongan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam penyimpanan rekod yang digunapakai di dua lokasi.

Lokasi tersebut adalah Unit Kesihatan Pelajar USIM di Kampus Nilai dan juga Unit Perkhidmatan Pergigian USIM Kampus Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Sistem ini beroperasi sepenuhnya pada Julai 2009 dan ia merupakan satu aplikasi sistem operasi perubatan yang



**UNIT Perkhidmatan Pergigian USIM dilengkapi pelbagai kemudahan perubatan terkini yang bersedia memberi khidmat kepada penduduk setempat.**

lengkap dengan fungsi-fungsi tambahan seperti kemasukan data, penyelenggaraan, inquiry dan laporan secara interaktif.

Kemudahan yang disediakan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dan menjadikan USIM sebagai salah satu pusat rujukan dalam perkhidmatan rawatan pergigian dan rekod pesakit di Malaysia.